# SEJARAH INDUSTRI PERLOMBONGAN ARANG BATU DI LABUAN (1846-1912)

NUR SURIANA BINTI SHAIFODDIN

TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA SASTERA

FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2016

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **SEJARAH INDUSTRI PERLOMBONGAN ARANG BATU DI LABUAN (1846-1912)**

IJAZAH : **IJAZAH SARJANA SASTERA (SEJARAH)**

Saya **NUR SURIANA BINTI SHAIFODDIN,** Sesi Pengajian **2012-2016,** mengaku membenarkan tesis Ijazah Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tanda ( / )

| | | |
|---|---|---|
| ☐ | SULIT | (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972) |
| ☐ | TERHAD | (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan) |
| / | TIDAK TERHAD | |

Disahkan oleh,

NURULAIN BINTI ISMAIL
LIBRARIAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**NUR SURIANA SHAIFODDIN**

(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh : 10 September 2016

(Prof. Madya Dr. Abdul Rahman Tang Abdullah)
Penyelia

PFOF. MADYA DR. A. RAHMAN TANG ABDULLAH
KETUA PROGRAM SEJARAH
FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
JALAN UMS, 88400
KOTA KINABALU, SABAH.

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**PENGAKUAN**

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

10 September 2016

..........................................
Nur Suriana Binti Shaifoddin
PA20118265



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**PENGESAHAN**

| | | |
|---|---|---|
| NAMA | : | **NUR SURIANA BINTI SHAIFODDIN** |
| NO. MATRIK | : | **PA20118265** |
| TAJUK | : | **SEJARAH INDUSTRI PERLOMBONGAN ARANG BATU DI LABUAN (1846-1912)** |
| IJAZAH | : | **IJAZAH SARJANA SASTERA (SEJARAH)** |
| TARIKH VIVA | : | **9 SEPTEMBER 2016** |

**DISAHKAN OLEH;**

**PENYELIA**
Prof. Madya Dr. Abdul Rahman Tang Abdullah

Tandatangan

PFOF. MADYA DR. A. RAHMAN TANG ABDULLAH
KETUA PROGRAM SEJARAH
FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
JALAN UMS, 88400
KOTA KINABALU, SABAH.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# PENGHARGAAN

Alhamdulillah. Saya panjatkan kesyukuran ke hadrat Illahi kerana akhirnya tesis ini dapat disempurnakan. Melalui ruang yang terbatas di sini, terlalu ramai yang ingin saya hulurkan penghargaan yang tidak ternoktah ini. Mereka yang tidak ternukilan di sini bukan bermakna kalian tidak tersemat di sanubari ini.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi dan jutaan terima kasih kepada bekas bekas penyelia saya, En. Mosli Tarsat yang kini sedang melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD) kerana menjadi pembimbing di awal kajian ini dan juga kepada penyelia saya, Prof. Madya Dr. Abdul Rahman Tang Abdullah kerana membimbing saya sepanjang perjalanan menyiapkan kajian ini. Tunjuk ajar, nasihat, teguran dan segala ilmu yang dicurahkan oleh kalian sangat saya hargai. Terima kasih juga kepada pihak Universiti Malaysia Sabah melalui Pusat Pengajian Pascasiswazah di atas biasiswa yang diberikan sepanjang saya menjadi pelajar sarjana.

Terima kasih turut dirakamkan kepada semua pensyarah saya iaitu Prof. Emeritus Dr. Sabihah Osman, Prof. Madya Dr. Ismail Ali, Prof. Madya Dr. Bilcher Bala, Dr. Md. Saffie Abd. Rahim, En. Baszley Bee Basrah Bee, En. Md. Shaukhi Md. Radzi dan En. Eko Priyatno di atas sokongan dan bantuan serta ilmu yang dicurahkan sepanjang saya menuntutnya bersama kalian dan juga sewaktu menjalankan kajian ini. Ilmu yang tidak ternilai kalian ajarkan telah dipergunakan semasa menghasilkan kajian ini.

Kepada semua kakitangan dan pensyarah di Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW) saya ucapkan jutaan terima kasih di atas kerjasama yang diberikan sama ada secara langsung ataupun tidak langsung terutamanya kepada Prof. Madya Dr. Kntayya Mariappan dan En. Jadil Molubi. Juga kepada kakitangan Arkib Negeri Sabah (En. Denin Keri), Muzium Chimney, Muzium Labuan, Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah (Pn. Hasmawati Hasan), Perpustakaan Tun Seri Lanang (UKM), Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Za'ba (UM), Perpustakaan Awan Perbadanan Labuan dan Perpustakaan Sekolah Sains Sosial.

Buat seluruh ahli keluarga tercinta, teristimewa *Mak* (Norsiah Ahmad) dan *Babah* (Shaifoddin Ramly), Bibot, Along, Angah, Shidah, Nony, Poksu dan Mak Lang jutaan terima kasih atas segala sokongan dan bantuan yang kalian berikan sepanjang perjalanan menyiapkan kajian ini. Pergorbanan yang kalian curahkan sangat bermakna untuk perjalanan ini dan kesudian kalian memahaminya amat bermakna. Untuk rakan-rakan seperjuangan, Astri, Kalisha, Ahsiah, Ija, Zaimah, Dewi, Aisah, Aisyah, Shafa, Reany dan semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam perjalanan menghasilkan kajian ini jutaan terima kasih untuk kalian semua. Penghargaan juga dirakam kepada para cendiakawan yang tulisan mereka dijadikan sumber rujukan dan tempat menimba pelbagai pengetahuan yang sangat berguna.

Nur Suriana Binti Shaifoddin
10 September 2016



PERPUSTAKAAN
UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# ABSTRAK

Kajian bertajuk "Sejarah Industri Perlombongan Arang Batu di Labuan (1846-1912)" merupakan sebuah kajian yang penting kerana ia meneliti dan membincangkan secara menyeluruh berkaitan perkembangan yang berlaku dalam industri perlombongan arang batu di Labuan. Oleh itu, secara keseluruhannya kajian ini akan memfokuskan kepada faktor pembukaan Labuan; pembentukan industri perlombongan arang batu di Labuan; perkembangan operasi perlombongan pada setiap era pentadbiran; serta masalah dan kesan yang wujud dalam industri ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pembukaan Labuan oleh British pada tahun 1846 sebagai tanah jajahannya berkait rapat dengan penemuan komoditi arang batu yang terdapat di pulau tersebut. Perkembangan semasa yang berlaku ketika itu mendorong British untuk menduduki Labuan dengan tujuan bagi menjadikannya sebagai stesyen arang batu British di Borneo. Walau bagaimanapun, perkembangan dalam industri ini tidak mencapai tujuan asal pembukaannya dan berlaku sepertimana yang dimahukan oleh Kerajaan British apabila timbul pelbagai masalah dalam operasi perlombongan sehingga membawa kepada kegagalannya. Perkembangan yang berlaku dalam industri ini telah memberi kesan terhadap pentadbiran Kerajaan British di pulau tersebut dan imej Labuan sebagai Tanah Jajahan Mahkota British. Kajian ini dihasilkan melalui kaedah penyelidikan sejarah dalam menganalisis data berkaitan perkembangan yang berlaku dengan data primer dan sekunder yang digunakan diperolehi daripada kajian di arkib dan perpustakaan.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## *ABSTRACT*


### *HISTORY OF COAL MINE INDUSTRY IN LABUAN (1846-1912)*

*"History of Coal Mine Industry in Labuan (1846-1912)" was an important because it is focused and discussed a details about development happen in coal mine industry in Labuan. Therefore, this research is totally focus on factors of Labuan opening; formed of coal mine industry in Labuan; the development of mining operations in every administrator era, problems and impacts on this industry. This research has found that Labuan opening by British in 1846 closely related to the finding of coalmine commodity that was in the island. The development on that time was really moves British to stay in Labuan for make it as a coal mine station in Borneo. Nevertheless, the development on coal mine industries was not reach the original purpose when so many problems happen in the mining operation until it is failed. Furthermore, the development in this operation was given so many effects to the British administration and Labuan's image as a British Crown Colony. This research was made by using history research methodologies on analysis data regarding to the development that was happen by refer to primary and secondary data from library and the archives.*




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SENARAI KANDUNGAN**

Halaman

| | |
|---|---|
| **TAJUK** | i |
| **PENGAKUAN** | ii |
| **PENGESAHAN** | iii |
| **PENGHARGAAN** | iv |
| **ABSTRAK** | v |
| ***ABSTRACT*** | vi |
| **SENARAI KANDUNGAN** | vii |
| **SENARAI JADUAL** | xi |
| **SENARAI PETA** | xiii |
| **SENARAI RAJAH** | xiv |
| **SENARAI SINGKATAN** | xv |
| **SENARAI LAMPIRAN** | xvi |

**BAB 1: PENDAHULUAN**

| | | |
|---|---|---|
| **1.1** | Pengenalan | 1 |
| **1.2** | Permasalahan Kajian | 3 |
| **1.3** | Objektif Kajian | 4 |
| **1.4** | Kepentingan Kajian | 5 |
| **1.5** | Kaedah Kajian | 6 |
| **1.6** | Sorotan Kajian Lepas | 7 |
| **1.7** | Skop Kajian | 15 |
| **1.8** | Pembahagian Struktur Kajian | 16 |
| **1.9** | Kesimpulan | 18 |



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**BAB 2: PEMBUKAAN LABUAN**

**2.1** Pengenalan 19

**2.2** Kedudukan Fizikal 21

**2.3** Labuan di Bawah KekuasaanKesultanan Brunei 27

**2.4** Penyerahan Labuan 39

**2.5** Pembukaan Labuan dan Kaitannya Dengan Komoditi Arang Batu 46

**2.5.1** Faktor Pembukaan Labuan 46

**2.5.2** Peranan Pembukaan Labuan Kepada British 56

**2.6** Kesimpulan 60

**BAB 3: PEMBENTUKAN INDUSTRI PERLOMBONGAN ARANG BATU DI LABUAN**

**3.1** Pengenalan 62

**3.2** Sejarah Awal Perlombongan Arang Batu 63

**3.2.1** Sejarah Awal Penggunaan dan Perlombongan Arang Batu Dunia 63

**3.2.2** Sejarah Awal Perlombongan Arang Batu di Labuan 67

**3.3** Perkembangan Semasa yang Membantu Pembentukan Industri 73

**3.3.1** Perubahan Dalam Aliran Perdagangan 73

**3.3.2** Perkembangan Teknologi Perkapalan di Barat 78

**3.3.3** Penglibatan Syarikat Perlombongan Berskala Besar 85

**3.3.4** Perkembangan Infrastruktur di Pelabuhan 86

**3.3.5** Perkembangan Sistem Komunikasi 89

**3.4** Latar Belakang Fizikal Arang Batu 90

**3.5** Kawasan Perlombongan 96

**3.6** Tenaga Buruh, Teknologi dan Kaedah Perlombongan 107



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

3.7 Pasaran 118

3.8 Perlombongan Arang Batu di Brunei 126

3.9 Kesimpulan 131

**BAB 4: PERKEMBANGAN OPERASI PERLOMBONGAN**

4.1 Pengenalan 133

4.2 Semasa Pentadbiran Kerajaan British (1846-1899) 134

4.2.1 Dasar Pentadbiran 134

4.2.2 Syarikat Perlombongan 148

4.3 Semasa Pentadbiran *British North Borneo Chartered Company* (1890-1906) 158

4.3.1 Dasar Pentadbiran 158

4.3.2 Syarikat Perlombongan 170

4.4 Semasa Pentadbiran Kerajaan Negeri-negeri Selat (1907-1912) 175

4.4.1 Dasar Pentadbiran 175

4.4.2 Syarikat Perlombongan 182

4.5 Penutupan Operasi Perlombongan 184

4.6 Kesimpulan 188

**BAB 5: MASALAH OPERASI PERLOMBONGAN DAN KESANNYA**

5.1 Pengenalan 191

5.2 Masalah 192

5.2.1 Tenaga Buruh 192

5.2.2 Banjir 196

5.2.3 Ketidakcekapan Pengurusan Syarikat Perlombongan 198

5.2.4 Penularan Wabak Penyakit 200



UMS UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**5.2.5** Saingan Daripada Pelabuhan Lain 203

**5.2.6** Kemudahan Infrastruktur 204

**5.2.7** Persaingan Daripada Minyak (Petroleum) 205

**5.3** Kesan 207

**5.3.1** Pertikaian Status Labuan 208

**5.3.2** Pertukaran Pentadbiran 210

**5.3.3** Ekonomi 212

**5.3.4** Imej Labuan Sebagai Tanah Jajahan British 214

**5.4** Berakhirnya Peranan Labuan Sebagai Stesyen Arang Batu British 216

**5.5** Kesimpulan 217

**BAB 6: RUMUSAN** 218

**RUJUKAN** 227

**LAMPIRAN** 238



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI JADUAL


| | | Halaman |
|---|---|---|
| Jadual 3.1: | Nilai Import dan Eksport Labuan Dengan Koloni British, 1857-1877 | 76 |
| Jadual 3.2: | Bilangan Kapal Wap yang Tiba di Pelabuhan Victoria Mengikut Nasionaliti, 1875-1890 | 81 |
| Jadual 3.3: | Keputusan Analisis Arang Batu di Labuan | 95 |
| Jadual 3.4: | Populasi di Tanjung Kubong, 1849-1866 | 105 |
| Jadual 3.5: | Terowong di Labuan | 115 |
| Jadual 3.6: | Jumlah Eksport Arang Batu Bagi Koloni British, 1881-1906 | 119 |
| Jadual 3.7: | Bilangan Anak Kapal, Tan dan Kapal yang Masuk ke Pelabuhan Victoria Mengikut Negara, 1875-1905 | 121 |
| Jadual 3.8: | Jumlah dan Nilai Eksport Arang Batu Brunei ke Labuan, 1881-1906 | 129 |
| Jadual 4.1: | Senarai Nama Gabenor Labuan Semasa Pentadbiran Kerajaan British | 138 |
| Jadual 4.2: | Jumlah Bantuan Geran Parlimen, 1857-1864 | 140 |
| Jadual 4.3: | Jumlah Pendapatan dan Perbelanjaan Labuan, 1847-1889 | 141 |
| Jadual 4.4: | Jumlah Penduduk Labuan, 1847-1889 | 144 |
| Jadual 4.5: | Nilai Import dan Eksport Labuan, 1853-1889 | 147 |
| Jadual 4.6: | Jumlah dan Nilai Pengeluaran Arang Batu di Labuan, 1852-1875 | 157 |
| Jadual 4.7: | Jumlah Penduduk Labuan, 1890-1906 | 159 |
| Jadual 4.8: | Jumlah Pendapatan dan Perbelanjaan Labuan, 1890-1906 | 164 |
| Jadual 4.9: | Nilai Import dan Eksport Labuan, 1890-1906 | 165 |




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

| | | |
|---|---|---|
| Jadual 4.10: | Senarai Nama Residen Labuan di Bawah Pentadbiran Negeri-negeri Selat, 1907-1938 | 178 |
| Jadual 4.11: | Jumlah Penduduk Labuan Semasa di Bawah Pentadbiran Negeri-negeri Selat, 1907-1912 | 178 |
| Jadual 4.12: | Jumlah Pendapatan dan Perbelanjaan Labuan, 1907-1912 | 180 |
| Jadual 4.13: | Jumlah Import, Eksport dan Imbangan Perdagangan Labuan, 1907-1912 | 181 |
| Jadual 4.14: | Nilai Import, Eksport dan Imbangan Perdagangan Labuan, 1913-1920 | 186 |
| Jadual 5.1: | Jumlah Kelahiran dan Kematian di Labuan, 1848-1866 | 202 |
| Jadual 5.2: | Jumlah Bayaran Untuk Sewaan Eksklusif Tanah Bagi Aktiviti Perlombongan Arang Batu di Labuan (*Rents Exclusive of Land*), 1877-1906 | 213 |
| Jadual 5.3: | Jumlah Import, Eksport dan Imbangan Perdagangan Labuan, 1913-1920 | 214 |




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI PETA


| | | Halaman |
|---|---|---|
| Peta 2.1: | Kedudukan Pulau-pulau Kecil yang Berdekatan Dengan Pulau Labuan | 24 |
| Peta 2.2: | Peta Labuan | 26 |
| Peta 2.3: | Kepulauan Borneo | 28 |
| Peta 2.4: | Kedudukan Pulau Balambangan | 48 |
| Peta 3.1: | Kedudukan *Chermin Island* Berdekatan *Brunei Town* | 69 |
| Peta 3.2: | Kedudukan Chimney Dalam Lakaran Awal Peta Labuan | 100 |
| Peta 4.1: | Pelan Tapak Perlombongan *Eastern Archipelago Company* | 150 |




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI RAJAH


| | | Halaman |
|---|---|---|
| Rajah 2.1: | Perbincangan Perjanjian Penyerahan Pulau Labuan | 41 |
| Rajah 3.1: | Lakaran Pemandangan Lipit Arang Batu yang Terdapat di Labuan | 70 |
| Rajah 3.2: | Dermaga Arang Batu di Pelabuhan Victoria | 86 |
| Rajah 3.3: | Pelabuhan Victoria | 87 |
| Rajah 3.4: | Para Pekerja Memunggah Arang Batu di Dermaga Arang Batu | 88 |
| Rajah 3.5: | Lakaran Pemandangan Tanjung Kubong Pada Awal Pendudukan British | 96 |
| Rajah 3.6: | Saiz Ukuran Stor Bahan Letupan (Gedung Ubat) | 98 |
| Rajah 3.7: | Landasan Keretapi yang Menghubungkan Coal Point Dengan *Victoria Harbour* | 102 |
| Rajah 3.8: | Keretapi di Kawasan Perlombongan Tanjung Kubong | 104 |
| Rajah 5.1: | Jumlah Pengeluaran Minyak Dan Arang Batu Dunia, 1835-1945 | 207 |




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI SINGKATAN

| | | |
|---|---|---|
| **ARL** | - | *Annual Report Colony of Labuan* |
| **BNBCC** | - | *British North Borneo Chartered Company* |
| **C.O** | - | *Colonial Office* |
| **EIC** | - | *East India Company* |
| **F.O** | - | *Foreign Office* |
| **kg** | - | kampung |
| **km** | - | kilometer |
| **LMBBS** | - | *Labuan Miscellaneous Blue Book of Statistics* |
| **LOG** | - | *Labuan Official Gazette* |
| **m** | - | meter |
| **mm** | - | milimeter |
| **NNS** | - | Negeri-negeri Selat |
| **SSBB** | - | *Straits Settlements Blue Book* |
| **t.d** | - | tiada data |
| **$** | - | Dollar |
| **%** | - | Peratus |
| **£** | - | Pound Sterling |



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI LAMPIRAN


| | | Halaman |
|---|---|---|
| Lampiran A: | Stor Menyimpan Bahan Letupan | 238 |
| Lampiran B: | Bangunan Chimney Terkini | 239 |
| Lampiran C: | Keputusan Analisis Makmal Batu-bata Bangunan Chimney | 240 |
| Lampiran D: | Batu-bata Chimney | 242 |
| Lampiran E: | Batu Nisan yang Terdapat di Tanjung Kubong Milik Kakitangan *Eastern Archipelago Company* | 243 |
| Lampiran F: | Pemandangan Terkini Tapak Perkuburan Pekerja Lombong Arang Batu di Tanjung Kubong | 244 |
| Lampiran G: | Rantai Kapal Dipamerkan di Galeri Pameran Aras Atas | 245 |
| Lampiran H: | Alatan Untuk Kerja-kerja Perlombongan yang Dijumpai di Tanjung Kubong | 246 |
| Lampiran I: | Serpihan Kru dan Nat Alat Jentera Perlombongan Arang Batu Dijumpai di Tanjung Kubong | 247 |
| Lampiran J: | Roda dan Sebahagian Kompenan Keretapi yang Digunakan Untuk Mengangkut Arang Batu Dijumpai di Tanjung Kubong | 248 |
| Lampiran K: | Pelombong Memasukkan Arang Batu ke Dalam Gerabak | 249 |
| Lampiran L: | Seramik yang Dijumpai Sekitar Tanjung Kubong Milik Pelombong Cina | 250 |
| Lampiran M: | Sebahagian Daripada Arang Batu yang Ditemui | 251 |




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# BAB 1

# PENDAHULUAN

## 1.1 Pengenalan

Sebelum gas dan minyak mengambil tempat sebagai bahan api utama dunia pada abad ke-20 hingga kini, arang batu terlebih dahulu memainkan peranannya. Pada awal berlakunya Revolusi Perindustrian di Eropah, arang batu menjadi bahan api utama dengan ia digunakan secara meluas untuk mengerakkan kapal wap, keretapi dan mesin serta mencairkan logam untuk kegunaan industri yang semakin berkembang pesat ketika itu. Berbeza pada masa kini, arang batu merupakan antara sumber tenaga yang penting terutama sekali untuk tujuan menjana kuasa elektrik. Selain itu, arang batu juga merupakan sumber utama kepada penghasilan bahan kimia tertentu oleh kebanyakan industri besar dunia.

Kepentingan arang batu sebagai antara sumber bahan api dunia pada zaman lampau tidak dapat dinafikan. Sejarah perkembangan dan penggunaan arang batu dunia membuktikan bahawa sumber tenaga ini telah lama digunakan dalam pelbagai industri. Permulaan Revolusi Perindustrian di Britain telah membawa kepada ledakan hebat dalam evolusi pengeluaran arang batu dunia. Walau bagaimanapun, selepas tahun 1910 perkembangan yang berlaku dalam industri ini menunjukkan kejatuhan dan hanya meningkat semula selepas berakhirnya Perang Dunia Kedua. Ini disebabkan berlakunya peningkatan yang berlebihan terhadap pengeluaran bahan api lain iaitu minyak dan gas apabila kedua-dua komoditi ini mula ditemui dan dikomersilkan.

Kesedaran pentingnya untuk mempunyai simpanan bekalan arang batu yang banyak bagi tujuan kegunaan Revolusi Perindustrian telah membawa kuasa-kuasa Barat keluar ke benua lain untuk mendapatkan komoditi berkenaan. Dalam hal ini, British tidak terkecuali apabila mereka mula menjalankan dasar imperialisme

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

terutamanya di wilayah-wilayah benua Asia yang sememangnya terkenal dengan kepelbagaian sumbernya termasuklah simpanan arang batu yang banyak. Berita penemuan kawasan simpanan arang batu di Borneo telah menarik perhatian British untuk datang ke wilayah ini.[1] Imperialisme yang dijalankan membawa kepada pembukaan Pulau Labuan[2] sebagai tanah jajahan pertama British di Kepulauan Borneo.

Labuan merupakan sebuah pulau kecil yang hampir sukar untuk dicari dalam peta dunia dengan hanya mempunyai keluasan kira-kira 35 batu persegi[3] dan berada di bawah takluk Kesultanan Brunei sebelum diserahkan kepada Kerajaan British. Keadaan ini berubah selepas British menjadikan Labuan sebagai sebuah pelabuhan bebas serta tempat persinggahan kepada kapal dagang daripada pelbagai nasionaliti yang menuju ke Borneo serta yang menggunakan jalan laluan perdagangan antara China-Singapura. Selain itu, Labuan juga turut dikenali sebagai pengeluar arang batu terawal di Borneo British[4] sebelum arang batu mula diusahakan di Silimpopon, Tawau semasa pentadbiran *British North Borneo Chartered Company* (BNBCC)[5] dan Brooketon (Muara), Brunei semasa pentadbiran Residen British di wilayah terbabit.

---

[1] Bukan British sahaja yang berusaha untuk mendapatkan komoditi tersebut tetapi Belanda yang merupakan pesaing rapat British di Kepulauan Borneo turut berbuat demikian. Belanda bukan sahaja memerlukan komoditi ini untuk memenuhi permintaan kepesatan Revolusi Perindustrian yang sedang berlaku tetapi juga bagi kegunaan kapal wap dan jentera mengilang gula milik mereka di Pulau Jawa. Selain itu, Belanda bimbang jika berlakunya peperangan mungkin akan menyebabkan terputusnya bekalan arang batu dan secara tidak langsung akan menimbulkan masalah kepada mereka. Keadaan ini ditambah lagi dengan Belanda sendiri yang tidak mempunyai angkatan laut yang kuat seperti British dan kemungkinan ini mendesak Belanda untuk mendapatkan simpanan bekalan arang batu yang banyak untuk tujuan tersebut bagi membantu menjamin kedudukan mereka di Kepulauan Borneo ketika itu.

[2] Pulau Labuan dan Labuan merujuk kepada nama yang sama. Walau bagaimanapun, kependekkan Labuan akan digunakan dalam perbincangan seterusnya bagi merujuk kepada pulau tersebut. Namun begitu, kedua-duanya juga akan digunakan silih berganti mengikut konteks.

[3] *Sabah Times*, Kesejahteraan Bagi Labuan, 16 April 1984, hlm. 4.

[4] Borneo British merujuk wilayah di bawah penguasaan British di Kepulauan Borneo iaitu Labuan, Brunei, Borneo Utara dan Sarawak.

[5] Kependekkan BNBCC akan digunakan dalam perbincangan yang selanjutnya bagi merujuk kepada *British North Borneo Chartered Company* atau Syarikat Berpiagam Borneo Utara British. Syarikat ini berjaya mendapatkan Piagam Diraja daripada Kerajaan British di London pada tahun 1881 untuk mentadbir Borneo Utara secara rasminya.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## 1.2 Permasalahan Kajian

Seperti yang dijelaskan di atas, pembukaan Labuan sebagai koloni British sebenarnya berkait rapat dengan penemuan simpanan arang batu yang terdapat di pulau tersebut. Dasar imperialisme oleh British membawa Labuan sebagai koloni terbarunya apabila British menjadikan Labuan sebagai stesyen arang batu dan tempat perdagangan serta persinggahan bagi kapal wap British di kawasan Borneo. Keperluan untuk membuka Labuan membolehkan British mengeksploitasi sumber arang batu yang terdapat di pulau tersebut bagi tujuan strategik untuk laluan perkapalan dan perdagangannya di Laut China Selatan. Keperluan strategik ini telah mewujudkan industri perlombongan arang batu di pulau tesebut. Justeru, penguasaan Kerajaan British secara langsung terhadap simpanan arang batu di Labuan dapat menjamin kelangsungan kepentingan mereka dari segi perkapalan dan perdagangan di Laut China Selatan yang menghubungkan koloninya yang utama iaitu Singapura dengan China dan Kepulauan Borneo. Oleh itu, pembukaan Labuan adalah selari dengan kehendak Kerajaan British ketika itu bagi memenuhi tujuan tersebut.

Selepas pembukaannya, industri ini mula dibangunkan seawal tahun 1847 dan berdasarkan kepada rekod sejarah zaman kolonial didapati bahawa industri ini merupakan antara kegiatan ekonomi komersial terawal yang dibangunkan di Labuan. Perkembangan semasa yang berlaku di seluruh dunia ketika itu membantu pembentukan industri ini secara beperingkat. Perubahan dalam aliran perdagangan dan kemajuan dalam teknologi perkapalan di Eropah melonjakkan permintaan terhadap komoditi arang batu di seluruh dunia ketika itu. Persekitaran dunia yang sebegini secara tidak langsung memberikan kesan terhadap permintaan arang batu di Labuan.

Namun begitu, industri ini mula mengalami pelbagai masalah serta tidak berkembang seperti yang dirancang dan dimahukan oleh British apabila timbul pelbagai masalah dalam membangunkannya. Kebanyakan syarikat perlombongan yang beroperasi mengalami kerugian dan menamatkan operasi lebih awal dari tempoh masa konsesi yang diberikan. Sepanjang 65 tahun industri ini beroperasi, sebanyak tujuh buah syarikat perlombongan telah terlibat. Perkembangan yang berlaku dalam industri ini menunjukkan keadaan tidak konsisten terutamanya daripada aspek pengeluaran dan pendapatan kepada syarikat-syarikat perlombongan disebabkan oleh pelbagai masalah yang timbul. Perkembangan yang berlaku ini akhirnya memerikan kesan



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

tehadap kemakmuran ekonomi Labuan dan status serta imej Labuan sebagai Koloni British ketika itu.

Berdasarkan kepada penjelasan di atas, dapat diperhatikan walaupun banyak syarikat perlombongan silih berganti dalam menjalankan operasi perlombongan dan membangunkan industri ini tetapi ia tetap tidak berjaya seperti yang dirancang dan dimahukan oleh British terutamanya dalam menghasilkan pendapatan yang tinggi kepada pihak kerajaan dan syarikat perlombongan yang terlibat. Oleh itu, terdapat persoalan mengenai apakah perkembangan yang berlaku dalam industri ini kerana walaupun beroperasi selama 65 tahun ia tetap gagal berfungsi sebagai stesyen arang batu British yang berjaya bertitik tolak daripada masalah-masalah yang timbul dalam industri ini dan secara tidak langsung memberikan kesan kepada koloni British tersebut.

## 1.3 Objektif Kajian

Secara keseluruhannya, untuk kajian ini pengkaji cenderung menyusun kembali data-data kolonial yang terlibat bagi membina kembali sejarah perkembangan yang berlaku dalam industri perlombongan arang batu di Labuan. Untuk itu, pengkaji menggariskan beberapa objektif untuk tujuan tersebut. Antaranya adalah:

i. Membincangkan faktor pembukaan Labuan dan kaitannya dengan komoditi arang batu.

ii. Membincangkan perkembangan semasa yang membantu pembentukan industri perlombongan arang batu di Labuan.

iii. Mengkaji dan membincangkan perkembangan yang berlaku dalam operasi perlombongan mengikut setiap zaman pentadbiran dan kaitannya dengan dasar setiap pentadbiran tersebut.

iv. Mengkaji dan meneliti masalah yang timbul dalam operasi perlombongan serta kesannya.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## 1.4 Kepentingan Kajian

Kajian mengenai perkembangan industri perlombongan arang batu di Labuan tidak diberikan perhatian yang sewajarnya dalam penulisan sejarah ekonomi zaman kolonial di Borneo oleh para penyelidik atau penulis terdahulu. Kebanyakan kajian yang dihasilkan mengenai Borneo Utara, Sabah, Sarawak dan Brunei turut menyelitkan perbincangan mengenai Labuan secara umumnya. Keadaan ini menunjukkan kajian berkaitan dengan industri tersebut yang dibincangkan secara menyeluruh belum lagi ditulis mahupun dikaji oleh mana-mana pihak. Jika adapun, hanya dibincangkan secara terpisah atau menjadi subtopik dalam kajian lepas yang menulis mengenainya.

Walaupun industri perlombongan arang batu serta aktiviti perkapalan dan perdagangan di pelabuhan merupakan aktiviti ekonomi utama di Labuan semasa zaman kolonial, namun hanya aktiviti berkaitan perdagangan dan perkapalan di pelabuhan sahaja yang banyak dibincangkan serta dikaji oleh penulis atau penyelidik terdahulu. Aktiviti perdagangan dan perkapalan di Pelabuhan Victoria telah dibincangkan secara menyeluruh oleh penulis tempatan seperti Nazli Aziz dan Hanizah Idris. Usaha untuk memenuhi kekosongan dalam kajian sejarah ekonomi Labuan semasa zaman kolonial berkaitan dengan industri ini masih agak sepi sehingga kini.

Oleh itu, kajian yang dilakukan ini berdasarkan kepada beberapa pertimbangan dalam kepentingannya iaitu:

i. Perkembangan yang berlaku dalam industri ini dapat dibincangkan secara menyeluruh. Sebelum itu, kebanyakan kajian lepas berkaitan dengan tajuk kajian ini hanya dibincangkan secara terpisah atau menjadi subtopik dalam kajian lepas yang ada menulis mengenainya. Oleh itu, pemilihan Labuan adalah bagi mengisi lompang kajian berbentuk ilmiah yang ditinggalkan oleh pengkaji terdahulu ini.

ii. Mempertingkatkan kefahaman dan pengetahuan masyarakat secara umumnya berkaitan dengan kegiatan ekonomi zaman kolonial di Labuan yang menjurus kepada industri perlombongan arang batu di pulau terbabit. Ini kerana pulau ini lebih dikenali dengan kegiatan ekonomi berasaskan pelabuhan dan perdagangan.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

iii. Memberi sumbangan dalam pembinaan semula sejarah zaman kolonial.

## 1.5 Kaedah Kajian

